

19/03/2000

Hadiah untuk pengunjung pembukaan Sukma

BUKIT MERTAJAM: Jawatankuasa Pengelola Sukan Malaysia (Sukma) VIII menawarkan hadiah istimewa kepada penonton yang menyaksikan pembukaan rasmi Sukma, di Stadium Batu Kawan, Seberang Prai Selatan (SPS), dekat sini, 27 Mei depan.

Pengarah Operasi Sukma VIII, Jahara Hamid, berkata sebelum mereka memenangi hadiah berkenaan, penonton terbabit dikehendaki menjawab soalan kuiz Sukma yang disediakan jawatankuasa penganjur.

Bagaimanapun, katanya, jawatankuasa penganjur masih merahsiakan hadiah itu dan memberi jaminan hadiah berkenaan adalah lumayan.

"Kerajaan negeri dan jawatankuasa penganjur berharap lebih ramai rakyat di negeri ini menghadiri pembukaan rasmi itu," katanya, selepas merasmikan Kejohanan Gusti Lengan Terbuka Pulau Pinang, di Kompleks Beli-belah The Summit (Plaza Bukit Mertajam), di sini, semalam.

Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dijangka merasmikan Sukma kelapan jam 8 malam, manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula menutup kejohanan itu, 3 Jun depan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Penerangan dan Perpaduan negeri, berkata kuiz Sukma itu sama seperti kuiz Sukan Komanwel (Sukom) yang pernah diadakan di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur, pada 1998 lalu.

Selain itu, katanya, semua syarikat bas tempatan di negeri ini diminta menyediakan perkhidmatan bas bagi membolehkan orang ramai ke stadium berkenaan untuk upacara pembukaan rasmi dan penutup.

Katanya, perkhidmatan pengangkutan membawa orang ramai ke situ turut membabitkan perhentian bas di negeri ini seperti Butterworth, Bukit Mertajam, Kepala Batas dan Nibong Tebal.

"Kerajaan negeri berharap semua syarikat bas tempatan menyediakan perkhidmatan itu bagi membolehkan orang ramai menyaksikan acara pembukaan rasmi dan penutup yang bersejarah itu.

"Pengangkutan itu termasuk menyaksikan pelbagai acara sukan di stadium berkenaan dengan harga tambang yang tidak membebankan orang ramai," katanya.

Bagaimanapun, katanya, rakyat di negeri ini perlu merebut peluang menyaksikan acara Sukma itu kerana sukan seperti itu dijangka akan diadakan di Pulau Pinang dalam tempoh 30 tahun lagi.

Bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Pulau Pinang menyaksikan pelbagai acara sukan, jawatankuasa Sukma akan mempamerkan jadual pelbagai acara sukan di semua gedung pasar raya di negeri ini.

Justeru, bagi menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan menyaksikan acara sukan berkenaan, promosi setiap daerah dalam kawasan Parlimen di negeri ini akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) negeri dengan kerjasama pengetua dan guru besar sekolah boleh menggalakkan lebih ramai pelajar menyaksikan pelbagai acara sukan semasa Sukma itu berlangsung.

(END)